

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HGF 323 - Kajiklim

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. (a) Apakah faktor-faktor yang membawa kepada perubahan iklim?
(10 markah)
- (b) Bincangkan kesan-kesan perubahan iklim terhadap berbagai aspek geografi fizikal dan manusia.
(15 markah)
2. Tuliskan satu esei bertajuk "Iklim, Pemandaran dan Manusia".
(25 markah)
3. (a) Apakah yang difahamkan dengan istilah "Kitaran Hidrologi"?
(10 markah)
- (b) Huraikan kepentingan kitaran hidrologi terhadap berbagai aspek cuaca dan iklim.
(15 markah)
4. (a) Huraikan syarat-syarat yang menggalakkan proses peluwapan di dalam bumi dan atmosfera.
(12 markah)
- (b) Bincangkan proses-proses peluwapan.
(13 markah)

5. Kelaskan jenis-jenis awan sedunia dan bincangkan pengaruh awan terhadap cuaca dan iklim setempat.

(25 markah)

6. "Reka bentuk rumah dan bangunan menggambarkan unsur-unsur iklim setempat". Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada seni bina rumah dan bangunan di merata tempat di dunia.

(25 markah)

7. Tuliskan nota-nota mengenai tiga (3) daripada yang berikut:

- (a) Gelombang Rossby;
- (b) Sel Hadley;
- (c) Daya Putaran Sentripetal;
- (d) Imbangan Bahangan Bumi-Atmosfera;
- (e) Lapisan Ozon.

(25 markah)


.../Lampiran

.../3

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

LAMPIRAN



-oooo000ooo-